

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]**

**SOALAN**

**DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah bantuan yang telah dan akan dilaksanakan untuk warga Wilayah Persekutuan terutamanya Labuan yang sangat terkesan dari segi ekonominya disebabkan penularan COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Labuan, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telahpun melaksanakan program bantuan kepada warga Wilayah Persekutuan semenjak berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada bulan Mac dahulu. Program ini dinamakan Insentif Wilayah Cakna yang mana kita menumpukan kepada golongan yang terkesan terutamanya dari segi ekonomi akibat pandemik COVID19.

Khusus bagi Wilayah Persekutuan Labuan, program Insentif Wilayah Cakna 1.0 dan 2.0 telahpun dilaksanakan bermula Mac 2020 sehingga Oktober 2020. Antara program yang telah dan sedang dilaksanakan adalah:-

- 1) Pelaksanaan bantuan *one-off* RM500 kepada penjaja dan peniaga kecil di Labuan;
- 2) Pelaksanaan bantuan kit makanan kepada warga yang terkesan;
- 3) Pengecualian 6 bulan sewa untuk premis niaga milik Perbadanan Labuan; dan
- 4) Pengecualian 6 bulan bayaran sewa perumahan milik Perbadanan Labuan.

Kos yang terlibat untuk insentif yang dilaksanakan terhadap mereka yang terkesan akibat pandemik ini ialah RM2.32 juta.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat jua, pada bulan Oktober, bilangan kes Covid-19 telah meningkat semula mengakibatkan ketiga-tiga wilayah dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan sebahagian kawasan pula dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD). Kita sedar bahawa keadaan ini akan mengakibatkan rakyat kita terkesan dalam menjalankan rutin harian mereka terutama yang berkaitan sumber pendapatan.

Untuk tujuan tersebut, KWP melancarkan Insentif Wilayah Cakna 3.0 bagi membantu mereka yang terjejas terutama mereka yang berada di golongan B40 dan kebawah.

Khusus untuk Wilayah Persekutuan Labuan, Insentif Wilayah Cakna 3.0 merangkumi insentif-insentif seperti berikut:

1) Fasa 1 [Oktober – Disember 2020]

- a) Bantuan kit makanan kepada keluarga yang dikuarantin dan yang terkesan;
- b) Pengecualian pembayaran bagi pembaharuan lesen peniaga kecil dan pasar awam;
- c) Bantuan *one-off* sebanyak RM500 kepada penjaja, peniaga kecil pasar awam dan pengusaha pengangkutan awam; dan
- d) Pengecualian bayaran sewa bulanan bagi penjaja di premis perniagaan milik Perbadanan Labuan.

2) Fasa 2 [November – Disember 2020]

- a) Pemberian baucer *Back To School* kepada keluarga kurang berkemampuan;
- b) Pengecualian bayaran sewa bulanan untuk rumah sewa milik Perbadanan Labuan;
- c) Diskaun 30% untuk kadar bulanan pajakan tanah milik Perbadanan Labuan;
- d) Bayaran diskaun kompaun pada kadar tetap RM15 sehingga Disember 2020; dan
- e) Sumbangan kepada komuniti melalui Majlis Perwakilan Penduduk (MPP).

Untuk makluman Yang Berhormat jua, kos keseluruhan program Insentif Wilayah Cakna 3.0 ini adalah berjumlah RM2,719,255.00. Kementerian berharap agar semua yang dirancang dan dilaksanakan ini dapat meringankan beban terhadap mereka yang terkesan oleh pandemik Covid-19. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
[ KOTA SAMARAHAN ]**

**SOALAN**

minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) bilangan, kelulusan dan laporan kemajuan terkini naik taraf sekolah-sekolah daif di Kota Samarahan; dan
- (b) perancangan Kementerian membina sekolah baharu iaitu Sekolah Kebangsaan Desa Ilmu, Sekolah Menengah Agama dan Sekolah Menengah Sains di Kota Samarahan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sejak tahun 2016 sehingga kini, sebanyak 291 buah sekolah yang mempunyai bangunan daif telah dinaik taraf dan dibangunkan semula di seluruh negeri Sarawak melibatkan kos projek berjumlah RM1.388 billion.

Khusus di kawasan Parlimen Kota Samarahan, terdapat 15 projek menaik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah telah diluluskan dari tahun 2016 sehingga 2020 dengan melibatkan kos berjumlah RM106.33 juta. Peruntukan ini merangkumi pelaksanaan projek naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah dengan pelbagai skop projek seperti pembinaan bilik darjah, blok pentadbiran, asrama,

rumah guru, dewan makan, pusat sumber, bilik sains, tandas dan lain-lain kemudahan.

Sehingga 20 Oktober 2020, 10 projek telah pun siap sepenuhnya. Manakala satu (1) projek iaitu Sekolah Kebangsaan Sambir, Asajaya berada dalam fasa pembinaan dan dijangka siap pada September 2022. Baki sebanyak empat (4) buah sekolah iaitu SK Beliong, SK Tanjung Pisang, SK Terasi dan SK Ja'ie, projek sedang dalam proses penilaian tender dan Surat Setuju Terima dijangka akan dikeluarkan pada Disember 2020. Perincian projek sehingga 20 Oktober 2020 adalah seperti berikut:

Bil	Tahun	Nama Sekolah	Skop	Kos (RM juta)	Status
1	2017	SK ASAJAYA LAUT	PEMBINAAN 4 BILIK DARJAH, 1 BILIK SAINS, 1 BLOK PENTADBIRAN (TERMASUK PEJABAT AM), 2 UNIT TANDAS GURU (L&P), 2 UNIT TANDAS MURID	28,500,000	SIAP
2	2017	SK SERPAN	PEMBINAAN 8 BILIK DARJAH, 1 BILIK SAINS, 1 BLOK PENTADBIRAN (TERMASUK PEJABAT AM), 2 UNIT TANDAS GURU (L&P), 2 UNIT TANDAS MURID	28,380,000	SIAP
3	2017	SK KAMPUNG BARU	PEMBINAAN 6 BILIK DARJAH, 1 BILIK SAINS, 1 BLOK PENTADBIRAN (TERMASUK PEJABAT AM), 2 UNIT TANDAS GURU (L&P), 2 UNIT TANDAS MURID		SIAP

**NO. SOALAN : 383**

Bil	Tahun	Nama Sekolah	Skop	Kos (RM juta)	Status
4	2017	SK KAMPUNG REMBUS	PEMBINAAN 6 BILIK DARJAH, 1 BILIK SAINS, 2 UNIT TANDAS GURU (L&P), 2 UNIT TANDAS MURID		SIAP
5	2018	SK SEMENGGOK	6 BD	21,600,000	SIAP
6	2018	SK ENDAP	8 BD 1 BILIK SAINS		SIAP
7	2018	SK KG MELAYU	6 BD, 1 BILIK SAINS, 4 TANDAS		SIAP
8	2018	SK ASAJAYA ULU	6 BD, 1 BILIK SAINS, 4 TANDAS		SIAP
9	2019	SEKOLAH KEBANGSAAN TANJONG APONG	6 BBD, TANDAS PELAJAR (4 LELAKI, 4 PEREMPUAN)	1,500,000	SIAP
10	2019	SEKOLAH KEBANGSAAN SEBANDI MATANG	6BD, TANDAS PELAJAR (4 LELAKI, 4 PEREMPUAN)	2,000,000	SIAP
11	2020	PEMBANGUNAN SEMULA SEKOLAH DAIF SARAWAK 1 BILION (FASA 1) - SK SAMBIR, ASAJAYA, SARAWAK	PEMBINAAN GANTIAN 6BD, BLOK PENTADBIRAN, 4 UNIT RUMAH GURU, TANDAS, PUSAT SUMBER, 1 BILIK SAINS DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN	7,350,000	DALAM PEMBINAAN (DIJANGKA SIAP SEPTEMBER 2022) Prestasi Fizikal: 3.01%
12	2020	PEMBANGUNAN SEMULA SEKOLAH DAIF SARAWAK RM1BILION (FASA 2) -SK BELIONG, SAMARAHAN, SARAWAK	6 BD, 4L & 4P (Tandas Pelajar), 2L & 2P (Tandas Guru), 1 Bilik Sains	DALAM PENILAIAN TENDER	PEROLEHAN (DALAM PENILAIAN TENDER, SURAT SETUJU TERIMA DIJANGKA DISEMBER 2020)
13	2020	PEMBANGUNAN SEMULA SEKOLAH DAIF SARAWAK	6 BD, 1 Pentadbiran, 4L & 4P (Tandas Pelajar), 2L & 2P (Tandas Guru), 1 Bilik Sains	DALAM PENILAIAN TENDER	

Bil	Tahun	Nama Sekolah	Skop	Kos (RM juta)	Status
		RM1BILION (FASA 2) - SK TANJUNG PISANG, SELANGKING SAMARAHAN, SARAWAK			
14	2020	PEMBANGUNAN SEMULA SEKOLAH DAIF SARAWAK RM1BILION (FASA 2) - SK TERASI, SAMARAHAN, SARAWAK	6 BD, 4L & 4P (Tandas Pelajar), 2L & 2P (Tandas Guru), 1 Bilik Sains	DALAM PENILAIAN TENDER	
15	2020	PEMBANGUNAN SEMULA SEKOLAH DAIF SARAWAK RM1BILION (FASA 2) - SK JA'IE, SAMARAHAN, SARAWAK	6 BD, 1 Pentadbiran, 4L & 4P (Tandas Pelajar), 2L & 2P (Tandas Guru), 1 Bilik Sains	DALAM PENILAIAN TENDER	

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, bagi tujuan perancangan sekolah baharu, KPM akan melaksanakan analisis keperluan secara terperinci dengan mengambil kira bilangan dan kapasiti sekolah sedia ada, kepadatan penduduk di kawasan sekitar, liputan kawasan tadahan (*catchment area*), serta perancangan pembangunan berdasarkan perbincangan bersama-sama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi sesebuah kawasan.

KPM telah membuat analisis keperluan sekolah baharu di kawasan Kota Samarahan. Pada masa ini, terdapat enam (6) buah sekolah rendah di sekitar kawasan Desa Ilmu, Kota Samarahan, Sarawak. Kesemua sekolah ini masih lagi beroperasi secara satu (1) sesi. Murid-murid di kawasan ini masih lagi dapat meneruskan pengajaran dan pembelajaran

di arus perdana dengan selesa memandangkan semua sekolah ini masih lagi beroperasi di bawah bilangan optimum murid. Tiga (3) buah sekolah rendah berhampiran kawasan tersebut juga berada dalam kategori sekolah kurang murid iaitu SK Plaie DC, SK Rembus dan SK Tambay.

Justeru, KPM berpandangan sekolah rendah sedia ada di kawasan Kota Samarahan masih boleh menampung keperluan pendidikan bagi murid di Kota Samarahan, terutamanya di kawasan Desa Ilmu.

Manakala bagi keperluan pembinaan sekolah menengah di kawasan Kota Samarahan, pada masa ini terdapat dua (2) buah sekolah menengah iaitu SMK Muara Tuang dan SMK Kota Samarahan beroperasi secara dua sesi dengan melebihi bilangan optimum murid. Sehubungan itu, bagi menampung keperluan ini, pembinaan sebuah sekolah menengah baharu iaitu SMK Sri Samarahan telah diluluskan di dalam RMKe-11. Projek berkenaan sedang di dalam peringkat tender.

Berhubung dengan cadangan pembangunan sekolah menengah agama pula, KPM mendapati Sekolah Menengah Kebangsaan Pesantren Abdul Taib Mahmud di Kota Samarahan masih mencukupi dan boleh menampung keperluan murid di kawasan tersebut di mana jumlah murid semasa di sekolah ini adalah seramai 474 orang murid berbanding kapasiti yang mampu ditampung iaitu 600 orang murid.

Bagi pembinaan sekolah menengah sains pula, terdapat tiga buah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) sedia ada di negeri Sarawak iaitu Sekolah Menengah Sains Kuching, Sekolah Menengah Sains Kuching Utara dan Sekolah Menengah Sains Miri. Pada masa kini, SBP berkenaan mampu menampung kemasukan murid yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dari seluruh negara terutamanya pelajar dari negeri Sarawak. Oleh yang demikian, KPM tidak merancang untuk membina sebuah sekolah menengah sains baharu di Kota Samarahan, Sarawak.



**NO. SOALAN : 383**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KPM dari semasa ke semasa sentiasa meneliti dan peka terhadap keperluan pendidikan bagi masyarakat negeri Sarawak. KPM akan sentiasa memantau dan mengkaji keperluan membina sekolah baharu, menaik taraf atau menyelenggara sekolah sedia ada untuk memastikan murid dan warga sekolah dapat mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dengan selamat dan selesa.

Sekian.